

# RINGKASAN KOD

Beroperasi dengan piawai etika dan integriti tertinggi adalah penting untuk kejayaan kami. Ia bukan sahaja memberikan rasa bisnes yang baik, ia juga membentuk budaya kita sebagai persekitaran yang terbuka dan jujur. Matlamat kami adalah untuk memastikan setiap orang berasa terlibat dan selesa menimbulkan persoalan dan kebimbangan. Kod Etika kami meletakkan asas untuk tingkah laku kami dan menyediakan panduan untuk bagaimana kami bekerja. Kita semua mesti mengikut garis panduan ini dan memegang teguh prinsip kita, tidak kira apa tekanan perniagaan yang kita hadapi. Garis panduan ini diringkaskan di bawah.

## MELAPORKAN ISU

Syarikat kita menggalakkan para pekerja bertanya soalan dan mengemukakan isu tanpa perlu takut terhadap tindakan membalas dendam. Ini merupakan komponen utama Kod kita. Jika anda mendapat tahu tentang sebarang pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Kod atau syarat-syarat perundangan, anda mesti melaporkannya dengan segera. Anda akan dilindungi daripada tindakan membalas dendam kerana mengemukakan sesuatu isu.

Anda boleh mengemukakan soalan atau kebimbangan dengan pengurus, pengurusan peringkat seterusnya atau wakil sumber manusia. Anda juga boleh menghubungi Talian Etika kami 24 jam sehari, 365 hari setahun dan tanpa nama atau pengenalan diri jika mahu. Anda boleh mengakses talian di <https://brinkshotline.ethicspoint.com> (tersedia dalam lebih dari 30 bahasa) untuk membuat laporan dalam talian atau mendapatkan nombor hotline tempatan, jika ada.

Talian Penting Etika dikendalikan oleh sebuah syarikat bebas yang menghantar laporan kepada Syarikat untuk tindakan lanjut.

## UNTUK BRINK'S DAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAMNYA

### KETEPATAN REKOD DAN LAPORAN

Kita menyimpan rekod-rekod kewangan dan perniagaan yang lengkap, tepat dan kena pada waktunya. Kita tidak membuat catatan, rekod atau laporan yang palsu atau mengelirukan. Jika kita mendapat tahu atau mengesyaki catatan atau rekod yang palsu atau mengelirukan, kita melaporkannya kepada Syarikat.

### MAKLUM BALAS TERHADAP AUDIT, SIASATAN DAN PERTANYAAN

Kita menyediakan maklumat yang tulus dan tepat pada waktunya berhubung dengan siasatan dan sebagai tindak balas terhadap permintaan juruaudit dalaman dan luaran. Kita tidak membuat keterangan yang palsu atau mengelirukan dan kita mengekalkan semua dokumen berkaitan dengan siasatan yang bakal berlaku atau sedang dijalankan dan tidak menyembunyikan, mengubah atau memusnahkan dokumen-dokumen sedemikian.

### MEMATUHI UNDANG-UNDANG YANG MELARANG PERDAGANGAN DALAMAN

Kita tidak membeli, menjual atau mendagangkan saham atau sekuriti-sekuriti lain kepunyaan Syarikat apabila kita mempunyai maklumat penting yang belum diumumkan secara awam. Kita tidak berkongsi maklumat penting bukan awam dengan orang lain yang mungkin menggunakan maklumat tersebut untuk membeli, menjual atau mendagangkan saham atau sekuriti-sekuriti lain.

### PERLINDUNGAN MAKLUMAT SULIT

Kita melindungi maklumat sulit tentang Syarikat dan pihak lain yang menjalankan perniagaan dengan kita. Maklumat secara lazimnya kekal sulit sehingga ia didedahkan secara awam oleh pemilik maklumat tersebut. Di Brink's, kita hanya berkongsi maklumat dengan mereka yang perlu mengetahui maklumat tersebut sebagai sebahagian daripada tugas mereka.

### PERLINDUNGAN ASET DAN SUMBER SYARIKAT

Kita memastikan bahawa aset-aset dan sumber-sumber Syarikat tidak disalahguna, hilang, rosak atau dibazirkan. Kita tidak menggunakan harta benda syarikat demi manfaat peribadi yang tidak berpatutan atau bagi tujuan lain yang tidak berpatutan.

### PERLINDUNGAN JENAMA BRINK'S DAN HAK INTELEK YANG LAIN

Jenama Brink's merupakan salah satu daripada aset paling berharga bagi Syarikat dan kita melindunginya dan hak intelek kita yang lain daripada digunakan secara tidak berpatutan oleh pihak ketiga. Kita juga menghormati hak intelek pihak lain dan tidak menggunakan atau mendedahkan hak intelek mereka tanpa kebenaran yang sewajarnya.

### MENGELAKKAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Kita mengelakkan tindakan dan kegiatan yang bercanggah atau dianggap sebagai bercanggah dengan tanggungjawab kita untuk bertindak demi kepentingan Syarikat. Percanggahan kepentingan berlaku apabila kegiatan peribadi, sosial atau kewangan kita mempengaruhi atau berpotensi mempengaruhi kesetiaan kita terhadap Brink's.

### HADIAH DAN HIBURAN

Memberi atau menerima hadiah, perbelanjaan perjalanan atau hiburan perniagaan boleh diterima apabila ia mempunyai nilai yang berpatutan dan berkaitan dengan tujuan perniagaan yang sah. Kita tidak melakukan kegiatan-kegiatan seperti ini untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar atau untuk mempengaruhi keupayaan pihak ketiga untuk membuat keputusan atau melanggar undang-undang tempatan atau peraturan penerima itu sendiri apabila berbuat demikian. Kita mengelakkan kegiatan-kegiatan seperti ini walaupun terdapat sedikit tanggapan bahawa wujudnya motif yang tidak berpatutan. Hadiah dari segi wang tunai atau yang seumpamanya tidak boleh diterima sama sekali. Kita sangat berhati-hati terutamanya semasa berinteraksi dengan entiti, pegawai dan pekerja kerajaan, ini kerana peraturan khas biasanya dikenakan.

### BERHATI-HATI DALAM KOMUNIKASI AWAM KITA

Kita menyokong komunikasi yang jujur dan tepat kepada pemegang-pemegang saham Brink's. Kita mempunyai satu suara sebagai sebuah Syarikat. Untuk sebab ini, hanya pekerja Brink's yang tertentu diberikan kuasa untuk bersuara bagi pihak Syarikat. Ini termasuk komunikasi melalui media sosial di mana peraturan yang sama dikenakan - hanya kakitangan yang diberikan kuasa boleh menggunakan media sosial untuk berkomunikasi bagi pihak Syarikat.

# RINGKASAN KOD

## SALING HORMAT-MENGHORMATI SESAMA SENDIRI

### LAYANAN YANG ADIL DAN SAKSAMA

Kita menggalakkan peluang yang sama bagi semua pekerja dan membuat keputusan pengambilan pekerja berdasarkan kelayakan, pengalaman, sumbangan dan prestasi. Kita tidak menindas atas dasar mana-mana faktor yang tidak berkaitan dengan kelulusan atau keupayaan seseorang untuk menjalankan tugas.

### PRIVASI PEKERJA DAN PERLINDUNGAN DATA

Kita menghormati privasi data dan maklumat peribadi pekerja. Kita mengumpulkan maklumat peribadi hanya jika perlu bagi perniagaan Syarikat dan hanya mendedahkan maklumat ini kepada mereka yang mempunyai keperluan perniagaan yang sah.

### TEMPAT KERJA YANG BEBAS DARIPADA GANGGUAN

Kita komited untuk melayan semua orang dengan bermaruah dan rasa hormat serta menyediakan tempat kerja yang bebas daripada gangguan, ancaman dan kelakuan lain yang tidak berpatutan atau tidak profesional. Ini termasuk kelakuan secara lisan atau fizikal yang menakutkan, mengancam, menghina atau menyakitkan hati.

### TEMPAT KERJA YANG SELAMAT DAN TERJAMIN

Kita mematuhi dasar dan prosedur keselamatan dan kejaminan Syarikat dengan undang-undang kesihatan dan keselamatan yang berkenaan. Kita mengekalkan tempat kerja yang bebas daripada ancaman, atau ugutan dari pekerja, kelakuan agresif dan jenis keganasan yang lain.

## MENGHORMATI PELANGGAN KITA DAN PASARAN

### MEMATUHI UNDANG-UNDANG

Kita mematuhi undang-undang di mana sahaja kita beroperasi. Sebagai sebuah syarikat A.S., kita juga mesti mematuhi undang-undang A.S. tertentu yang mungkin dikenakan pada subsidiari-subsidiari kita yang bukan A.S. Jika terdapat sebarang perbezaan antara syarat perundangan dan Kod tersebut, kita menggunakan piawai yang paling ketat. Kita melaporkan pelanggaran atau pelanggaran undang-undang yang mengesyakikan kepada Jabatan Perundangan.

### BERURUSAN SECARA ADIL DENGAN SEMUA YANG TERLIBAT DALAM PERNIAGAAN KITA

Kita berurusan secara adil dengan pelanggan-pelanggan kita serta pihak lain yang menjalankan perniagaan dengan kita, dan kita hanya berkongsi maklumat yang benar dan jujur dengan mereka. Kita tidak mengambil kesempatan terhadap sesiapa melalui manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat sulit atau salah nyata fakta.

### PEMBAYARAN YANG TIDAK BERPATUTAN

Kita tidak sekali-kali memberikan atau menawarkan bayaran atau barangan lain yang berharga untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, mempengaruhi tindakan atau keputusan seseorang individu atau mendapatkan kelebihan yang tidak wajar. Memberi hadiah, menyediakan makanan atau hiburan atau membayar perjalanan akan dinilai dengan teliti untuk memastikan tiadanya motif yang tidak wajar atau tanggapan motif yang tidak wajar.

### BERSAING SECARA BERETIKA DAN SAH DARI SEGI UNDANG-UNDANG

Kita menjalankan perniagaan secara beretika dan menurut undang-undang antitrust di mana sahaja kami beroperasi. Kita tidak berkongsi maklumat atau amalan perniagaan dengan pesaing dan kita tidak memasuki perjanjian dengan pesaing mengenai subjek-subjek sensitif seperti harga, bidaan, pasaran, kawasan atau strategi. Kita menghadkan hubungan dengan pesaing sebanyak mungkin dan memastikan bahawa apabila ia terjadi, ia berlaku dalam keadaan dan cara yang berpatutan.

### PERLINDUNGAN TERHADAP PELABURAN WANG HARAM

Kita berusaha untuk menjalankan perniagaan dengan syarikat-syarikat yang bereputasi baik sahaja. Kita tidak menyokong atau membantu melaburkan wang haram dan melindungi diri daripada terlibat secara tidak sengaja dalam skim pelaburan wang haram atau kegiatan haram yang lain. Kita berbuat demikian dengan mematuhi undang-undang antipelaburan wang haram yang berkenaan, mengetahui reputasi pelanggan-pelanggan kita dan berwaspada terhadap kegiatan-kegiatan pelanggan atau bakal pelanggan yang mencurigakan.

### MEMATUHI SEKATAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Kita mematuhi undang-undang berkenaan yang menyekat perdagangan dengan negara, entiti dan individu tertentu. Undang-undang ini mungkin terdiri daripada undang-undang boikot, sekatan yang mengawal eksport atau import keluar atau masuk dari negara, entiti atau individu yang dilarang atau disekat dan sekatan dalam membekalkan perkhidmatan kepada negara, entiti atau individu yang dilarang atau disekat.

## MENGHORMATI MASYARAKAT KITA

### MENJALANKAN PERNIAGAAN SEBAGAI SEORANG WARGA KORPORAT YANG BAIK

Kita mempunyai tanggungjawab sebagai warga baik dalam komuniti yang menjadi tempat kita menjalankan perniagaan. Kita menghormati hak asasi manusia dan membantah penyalahgunaan hak manusia. Kita mematuhi undang-undang tempatan, negeri, negara dan antarabangsa berhubung dengan pengupahan pekerja bawah umur.

### MELIBATKAN DIRI DALAM PROSES POLITIK DENGAN MEMATUHI UNDANG-UNDANG

Brink's biasanya membuat sumbangan politik melalui Jawatankuasa Tindakan Politik. Sumbangan Syarikat adalah mengikut undang-undang yang berkenaan. Apabila kita menyertai proses politik secara persendirian, kita menyatakan pendapat kita sendiri dan tidak menyatakan pendapat atau pandangan bagi pihak Syarikat.